

Tinjauan Keseluruhan Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan



- | | |
|--|-----------|
| 1. Menetapkan Hala Tuju | 57 |
| 2. Melangkah ke Hadapan - Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan 2008 | 58 |



Komitmen Kerajaan yang tinggi untuk menggalakkan pembangunan sektor PKS yang berdaya saing dan berdaya tahan yang dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga, diperlihatkan dengan penubuhan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) dan Rangka Tindakan tahunannya yang kini memasuki tahun ketiga. MPPK, yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, menyediakan rangka kerja bagi dasar kebangsaan yang padu dan juga program yang boleh memberikan sokongan yang perlu bagi PKS meningkatkan kedudukan dalam rantai nilai.



Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan

Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) ditubuhkan pada tahun 2004. Majlis ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan dianggotai oleh 15 Menteri dan Ketua daripada 4 Agensi penting yang terbabit dalam pembangunan PKS. Bank Negara Malaysia merupakan Sekretariat Majlis.

Bidang tugas MPPK khususnya adalah untuk:

- Merumuskan dasar dan strategi umum untuk memudahkan pembangunan PKS secara keseluruhan dalam semua sektor;
- Mengkaji semula peranan dan tanggungjawab Kementerian serta Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab membangunkan PKS;
- Mempertingkatkan usaha sama dan penyelarasan bagi memastikan pelaksanaan dasar dan pelan tindakan pembangunan PKS yang berkesan;
- Menggalakkan dan mengukuhkan peranan sektor swasta dalam menyokong pembangunan PKS secara keseluruhan; dan
- Memberi penekanan terhadap pembangunan PKS Bumiputera dalam semua sektor ekonomi.

1. Menetapkan Hala Tuju

Bagi meningkatkan keberkesanan program pembangunan PKS untuk mencapai objektif yang dikehendaki dan sasaran yang ditetapkan, rangka kerja yang mengandungi Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan tahunan telah diterima pakai. Sebagai pelan tindakan tahunan, Rangka Tindakan menggariskan keterangan jelas mengenai tujuan dan fokus strategik Kerajaan dalam pembangunan PKS. Rangka Tindakan ini juga menggariskan matlamat dan sasaran, di samping program dan komitmen kewangannya.

Setiap tahun, program utama bagi pembangunan PKS akan dirumuskan di bawah tiga teras strategik, iaitu:

- Membina kapasiti dan keupayaan PKS khususnya dalam bidang pembangunan usahawan, pembangunan modal insan, khidmat nasihat, kesedaran dan jangkaan, peningkatan teknologi dan pembangunan produk;
- Mengukuhkan infrastruktur yang menyokong pembangunan PKS. Strategi ini melibatkan pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur fizikal dan pengurusan maklumat, serta mewujudkan peraturan dan keperluan kendalian yang sesuai dan bermanfaat untuk PKS; dan
- Meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS, merangkumi pewujudan dan pengukuhan pengaturai keinstitution untuk menyokong keperluan pembiayaan PKS.

Rangka Tindakan dengan pendekatannya yang berstruktur, bertujuan memperbaiki penyampaian dan keberkesanan program Kerajaan agar PKS dapat meraih faedah yang maksimum

Pada dasarnya, Rangka Tindakan dengan pendekatannya yang berstruktur, bertujuan memperbaiki penyampaian dan keberkesanan program Kerajaan agar PKS dapat meraih faedah yang maksimum.

2. Melangkah Ke Hadapan - Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan 2008

Itizam Kerajaan untuk melaksanakan program bagi PKS bertambah jitu dengan adanya pendekatan berstruktur Rangka Kerja Pengurusan Rangka Tindakan yang menilai keberkesanan dan kecekapan program. Sejak pelaksanaannya pada tahun 2005, Rangka Tindakan ini berfungsi sebagai pelan tindakan bagi Kementerian dan Agensi untuk merumuskan dasar pembangunan PKS yang koheren serta program yang komprehensif bagi menangani pelbagai cabaran yang dihadapi oleh PKS. Pelaksanaan Rangka Tindakan ini yang kini memasuki tahun ketiga telah menunjukkan beberapa hasil penting:

- i. Prestasi program bertambah baik disebabkan:
 - Penekanan diberikan kepada keberkesanan program di samping tumpuan terhadap penyempurnaan program; dan
 - Pembaikan yang berterusan terhadap program oleh Kementerian dan Agensi, telah menghasilkan jangkauan yang lebih meluas bagi PKS.
- ii. Kerjasama dan penyelarasan yang lebih baik dalam kalangan Kementerian jelas dilihat daripada:
 - Pengurangan pertindihan program dan juga pelaksanaan yang lebih baik hasil daripada penyelarasan program;
 - Perancangan program yang lebih baik antara, dan dalam Kementerian, bagi menangani kemungkinan timbulnya jurang dalam pembangunan PKS; dan
 - Mengambil kira maklum balas PKS bagi memastikan program dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- iii. Kebertanggungjawaban dan komitmen Kementerian dan Agensi yang lebih teguh bagi mencapai objektif dan sasaran:
 - Penunjuk Prestasi Utama (KPI) ditetapkan bagi memperkukuh komitmen Kerajaan untuk membangunkan sektor PKS; dan
 - Peningkatan disiplin dalam memantau, dan memastikan pelaksanaan program serta pencapaian KPI.

Tinjauan Keseluruhan Pencapaian pada Tahun 2007

Pada tahun 2007, sebanyak 189 program telah dilaksanakan oleh 15 Kementerian dengan perbelanjaan sebanyak RM4.9 bilion dan memanfaatkan 286,755 PKS. Perancangan yang lebih baik telah menghasilkan peruntukan sumber yang lebih cekap. Ini terbukti apabila 97% daripada program yang dirancang berjaya dilaksanakan, berbanding 81% pada tahun 2006, selain pengurangan ketara dalam perbezaan antara perbelanjaan yang diperuntukkan dengan perbelanjaan sebenar. Program telah menjadi lebih selaras, manakala pengenalan KPI telah menganjak tumpuan Kementerian dan Agensi, daripada pembentukan program kepada pencapaian KPI yang telah ditetapkan. Tahun 2007 menyaksikan peningkatan yang ketara, dengan 72% daripada program mencapai atau mengatasi sasaran yang ditetapkan. Hasilnya, pertindihan program semakin berkurang dan kerjasama antara Kementerian dengan Agensi semakin kukuh.

*Perancangan yang lebih baik
telah menghasilkan peruntukan
sumber yang lebih cekap*

Tumpuan program pada tahun 2007 terus menitikberatkan peningkatan keupayaan dan kapasiti PKS, terutamanya dalam bidang peningkatan kemahiran, pembangunan keusahawanan, pemasaran dan promosi, serta pembangunan produk dan peningkatan teknologi. Hasil utama daripada program-program tersebut ialah:

- Sebanyak 135,000 PKS, usahawan wanita dan pelajar menerima latihan keusahawanan dan teknikal;
- Sebanyak 3,246 PKS menyertai pelbagai pameran, pameran perdagangan dan program promosi;
- Lebih 4,750 PKS disediakan premis perniagaan dan kilang;
- Sebanyak 45 pejabat pos mini dibina untuk mewujudkan usahawan luar bandar;
- Lebih 2,950 usahawan tani mendapat manfaat daripada 178 Pusat Pembungkusan, Pengagihan dan Pemasaran Pertanian;
- Enam institusi kewangan dan tiga institusi kewangan pembangunan (IKP) memperkenalkan produk dan kemudahan pembiayaan mikro;
- Sebanyak 18,663 PKS menerima bantuan kewangan menerusi pelbagai skim Kerajaan, iaitu Skim Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga kepada usahawan mikro, Skim Pembiayaan Kredit IKS dan program Pinjaman Perniagaan MARA.



Beberapa inisiatif pembangunan keinstitutional dilaksanakan untuk memperkukuh asas pembangunan dan pembiayaan PKS. Ini termasuk:

- Penyusunan semula SME Bank yang kini diletakkan secara langsung di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan;
- Pensyarikatan Bank Pertanian Malaysia. Bank ini sekarang di bawah jenama Agrobank. Jumlah pemberian pinjaman Agrobank kepada sektor pertanian dijangka bertambah kira-kira 25% setahun sepanjang lima tahun akan datang; dan
- Penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang akan mengawasi dan menyelia koperasi bagi memastikan piawai berhemat dan amalan terbaik dipatuhi. Langkah ini akan memperkukuh peranan koperasi kredit dalam menyediakan pembiayaan kepada usahawan mikro.

Untuk meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan, Bank Negara Malaysia telah memulakan beberapa inisiatif penting bagi menggalakkan institusi perbankan dan IKP untuk menyediakan kemudahan pembiayaan mikro. Di samping itu, Tabung Modal Usaha Niaga berjumlah RM300 juta bagi sektor pertanian telah dibentuk oleh Bank Negara Malaysia dengan dua kumpulan perbankan. Credit Guarantee Corporation (CGC) mewujudkan syarikat pembiayaan ekuiti untuk menyediakan PKS dengan saluran kepada pembiayaan dan juga memperkenalkan dua produk baharu, iaitu *Direct Access Guarantee Scheme (DAGS Start-Up)* dan *Credit Enhancer Islamic (Enhancer-i)*.

Penubuhan Agensi Penyelaras Pusat PKS

Mesyuarat MPPK kelapan pada bulan Jun 2008 bersetuju dengan rangka kerja penubuhan Agensi Penyelaras Pusat PKS, iaitu agensi Kerajaan yang khusus untuk menerajui pembangunan PKS di Malaysia. Agensi baharu ini yang dinamai SME Corporation Malaysia (SME Corp.), akan mengambil alih peranan Sekretariat MPPK daripada Bank Negara Malaysia untuk menyelaraskan perumusan dasar dan program pembangunan PKS bagi memastikan pelaksanaan yang menyeluruh dan berkesan dalam semua sektor. SME Corp. juga berperanan sebagai pusat maklumat sehenti bagi PKS mendapatkan maklumat komprehensif dan khidmat nasihat, termasuk penghasilan pelan perniagaan, pemasaran, penerapan teknologi, perkhidmatan maklumat, dan nasihat kewangan. Di samping itu, SME Corp. juga akan menyebarkan maklumat tentang prestasi dan statistik PKS, serta menjalankan penyelidikan mengenai isu dan perkembangan berkaitan dengan PKS.

Dengan KPI yang lebih baik, Rangka Tindakan 2008 telah menjadi lebih responsif kepada keperluan PKS dengan menambah dialog dengan pelbagai persatuan industri yang mewakili PKS. Langkah ini memastikan keperluan PKS akan dapat dipenuhi di samping perancangan program masa hadapan yang lebih baik pada tahun 2009. Maklum balas awal yang diperoleh menunjukkan bahawa terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian bagi meningkatkan pembangunan PKS. Ini termasuk:

- Meningkatkan kesedaran tentang program pembangunan PKS;
- Mengadakan perbincangan dengan kumpulan sasaran PKS secara tetap untuk memastikan program pembangunan PKS semasa dan akan datang bertumpukan PKS;
- Mengkaji semula dan mempertingkatkan proses kelulusan permohonan dan pembayaran bagi geran dan pinjaman mudah agar lebih efisien;
- Membina infrastruktur pada kos yang berpatutan di lokasi strategik dengan mengambil kira keperluan dan kehendak PKS;
- Menyelaraskan pameran, ekspo dan pameran perdagangan tempatan bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan; dan
- Mewujudkan modul latihan khusus bagi memenuhi keperluan PKS dalam pelbagai kitaran perniagaan.

Jangkaan Hasil Program Tahun 2008

Sebanyak 198 program utama, dengan kira-kira 20% daripadanya program baharu, dirancang dilaksanakan pada tahun 2008 dengan komitmen kewangan sebanyak RM3.2 bilion. Pada tahun 2008, tumpuan akan terus diberikan pada pengukuhan kapasiti dan keupayaan PKS melalui 141 program yang memberi tumpuan khusus pada pembangunan keusahawanan, pemasaran dan promosi, peningkatan kemahiran serta penyediaan khidmat nasihat untuk PKS.

Butiran penting termasuk:

- Peningkatan program keusahawanan agar sektor perdagangan edaran dan sektor strategik lain dapat meningkatkan kemahiran keusahawanan 75,000 PKS pada tahun 2008;
- Program *Stabilisation & Groom Big*, dan program latihan industri berasaskan kayu sedang dilaksanakan bagi membimbing sebanyak 1,100 usahawan yang seterusnya akan menyumbang kepada peningkatan nilai ditambah;
- Sebanyak 800 PKS dijangka dapat dibantu menerusi Geran Pemadanan untuk Pensijilan, Promosi Produk Halal, Peningkatan Pembungkusan Produk serta Pembaikan Produk dan Proses;
- Sebanyak 10 francais tempatan akan dibangunkan dan 400 francais dibantu menerusi program francais; dan
- Pelaksanaan program Panel Penasihat Pakar dan Kesedaran Teknologi, dan juga Penasihat PKS akan memberi 38,000 PKS akses yang lebih baik kepada khidmat nasihat yang disediakan oleh pelbagai Kementerian.

Dalam menyediakan sokongan infrastruktur kepada PKS, Kerajaan akan membantu dalam penyediaan premis perniagaan, kilang, gerai perniagaan dan pusat inkubasi bagi PKS. Butiran penting termasuk:

- Penubuhan tiga Taman Halal di Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor, selain empat pusat pembiakbakaan dan pembiakan kambing Boer;
- Untuk membantu keupayaan pemasaran PKS dalam industri asas tani, sebanyak 11 infrastruktur pemasaran tambahan untuk membungkus, mengagihkan dan memasarkan produk pertanian (PUSPRO) akan dibangunkan di tempat-tempat strategik; dan
- PKS di kawasan luar bandar juga digalakkan untuk menyertai perniagaan melalui penubuhan 70 pejabat pos mini di kawasan luar bandar terpilih.



Dalam bidang pembiayaan, institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan dijangka meluluskan pembiayaan berjumlah RM70 bilion kepada kira-kira 140,000 akaun PKS pada tahun 2008. Pembiayaan ini akan dilengkapi oleh pelbagai dana dan skim Kerajaan. Sebanyak 200 usahawan mikro dijangka dibantu di bawah Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED), manakala 200 usahawan francais dijangka mendapat manfaat daripada Skim Pembiayaan Francais.

Bagi meningkatkan lagi saluran PKS untuk mendapatkan pembiayaan, CGC telah menubuhkan Biro Kredit PKS. Biro ini berfungsi sebagai pusat maklumat PKS yang komprehensif yang menawarkan laporan kredit, penarafan kredit, perkhidmatan pemantauan serta laporan PKS dan industri. Biro ini boleh membantu PKS mendapatkan pembiayaan berdasarkan syarat-syarat yang lebih baik dan dalam tempoh yang lebih singkat, dan meningkatkan daya saing PKS dengan memupuk budaya kredit sihat dalam kalangan PKS. Biro ini telah mula beroperasi pada 1 Julai 2008.

Tumpuan Terhadap Sektor Perkhidmatan dan Pertanian

Pada tahun 2008, kebanyakan program yang akan dilaksanakan memberi tumpuan pada sektor perkhidmatan, dan juga sektor pertanian dan asas tani. Malah, bilangan program yang dirancang untuk kedua-dua sektor tersebut juga telah ditambah, memandangkan kenyataan bahawa 87% daripada PKS adalah dalam sektor perkhidmatan dan dijangka menjana sumbangan yang lebih tinggi kepada KDNK pada tahun 2010. Selain itu, langkah ini juga sejajar dengan strategi RMKe-9 yang mengenal pasti sektor pertanian sebagai jentera pertumbuhan ketiga bagi ekonomi. Pada tahun 2008, sebanyak 42 program akan dilaksanakan dalam sektor pertanian untuk memperkasakan sektor pertanian dan asas tani supaya ia boleh memberi manfaat kepada kira-kira 32,000 PKS. Program pada tahun 2008 memberi tumpuan pada peningkatan hasil tanaman perindustrian dengan kebanyakan daripadanya memberi penekanan kepada pembinaan kapasiti dan keupayaan usahawan tani dalam sektor pertanian.

Butiran Penting Program Utama Pembangunan PKS pada Tahun 2008

Mengukuhkan Infrastruktur yang Menyokong

- Biro Kredit PKS oleh CGC - BNM
- Menggalakkan pembiayaan mikro yang mampan - BNM
- Transformasi Bank Pertanian Malaysia - BNM
- Penyediaan gerai, premis perniagaan dan kilang bagi usahawan desa - MRRD
- Pusat Pembiakbakaan dan Pembiakan kambing Boer - MRRD
- Penyediaan Premis Perniagaan - MECD
- Pusat Inkubasi di SIRIM - MOSTI
- Pusat mengumpul, mengering dan memproses biji koko - MPIC
- Infrastruktur pemasaran untuk membungkus, mengagihkan dan memasarkan produk pertanian - MOA

Pembinaan Kapasiti & Keupayaan

- Penyediaan khidmat nasihat kewangan bagi PKS - BNM
- Program Bimbingan Usahawan untuk memupuk keusahawanan dalam kalangan Orang Asli - MRRD
- Pembudayaan keusahawanan di sekolah dan universiti - MECD
- Program Pembangunan Produk dan Teknologi bagi PKS dalam sektor Telekomunikasi - MEWC
- Cita Rasa Malaysia - MDTCA
- Program Mentor PKS bersama Nestle - HDC
- Program latihan bagi pengendali hotel kelas ekonomi - MOTOURL
- Program penjenamaan produk - MOA
- Pameran Tahunan SMIDEC (SMIDEX 2008) - MITI

Peningkatan Akses kepada Pembiayaan

- Modal Usaha Niaga bagi Sektor Pertanian - BNM
- Skim Pembiayaan Ekonomi Desa - MRRD
- Bantuan Ekonomi Kampung - MRRD
- Skim Pinjaman Perniagaan MARA - MECD
- Pembiayaan bagi Pengkomersialan Teknologi Peringkat Awal - MOSTI
- Pinjaman Mudah melalui Japan Bank for International Cooperation untuk sektor ICT dan Bioteknologi - MOF
- Dana Khas bagi Pelancongan - MOTOURL

Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan, yang dihasilkan buat kali ketiga, merupakan wadah penting Kerajaan untuk sentiasa mengkaji semula dan menghalusi strategi bagi memastikan sektor PKS yang fleksibel dan berdaya saing. Sejak kewujudannya, Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan telah mencatat peningkatan yang nyata dalam perancangan dan prestasi program pembangunan PKS. Kerjasama dan penyelarasan yang lebih mantap antara Kementerian dan Agensi berjaya menjadikan program-program lebih terselaras dan tertumpu agar dapat menghasilkan jangkauan yang lebih meluas kepada PKS. Dengan adanya Rangka Tindakan yang lebih khusus, MPPK berpeluang mengupas keperluan semasa PKS agar mereka diberi perhatian sewajarnya dalam proses perumusan dan pengubahsuaian program. Langkah seterusnya adalah untuk memantau kemajuan PKS yang telah meraih manfaat daripada program tersebut bagi memastikan kejayaan mereka berterusan.